

**Najib Berlepas Ke Rusia Ketuai Delegasi Malaysia Ke Mesyuarat Apec
Bernama
7 September, 2012**

SEPANG, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berlepas ke Rusia pada Jumaat untuk mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat pemimpin-pemimpin ekonomi (AELM) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) ke-20 pada 8 dan 9 Sept.

Beliau berlepas dari Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 7.30 pagi dan dijangka pulang ke tanah air pada Ahad ini.

Sidang kemuncak tahunan bertema 'Integrate to Grow, Innovate to Prosper' itu yang dihadiri ketua negara dan kerajaan dari 21 ekonomi rantau Asia Pasifik, akan didahului dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Apec (AMM) ke-24 pada 5 dan 6 Sept dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Apec pada 2 dan 3 Sept.

Najib yang juga Menteri Kewangan akan membincangkan pelbagai isu membabitkan liberalisasi pelaburan dan perdagangan serta integrasi ekonomi serantau, pengukuhan jaminan makanan, mewujudkan rangkaian bekalan berdaya saing dan kerjasama pemupukan pertumbuhan inovatif.

Perdana Menteri juga akan meneroka idea-idea baharu dan inovatif bagi meningkatkan lagi kerjasama dalam kalangan 21 ekonomi Apec.

Beliau juga dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan beberapa pemimpin Apec termasuk Presiden Rusia Vladimir Putin selaku tuan rumah mesyuarat.

Apec, forum yang diwujudkan pada 1989 bagi 21 anggota ekonomi Lingkaran Pasifik untuk membincangkan isu-isu mengenai kerjasama ekonomi serantau serta perdagangan dan pelaburan, menyumbang 55 peratus keluaran dalam negara kasar dunia dan 49 peratus perdagangan global.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692696>